



**UMS**  
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

**KEMASUKAN ENAM KATEGORI PELAJAR  
KE KAMPUS UNIVERSITI MALAYSIA SABAH (UMS)**

**SOALAN LAZIM (FAQS)**

**ISI KANDUNGAN**

<b>BIL</b>	<b>KANDUNGAN</b>	<b>MUKA SURAT</b>
<b>1</b>	<b>KEMASUKAN PELAJAR KE KAMPUS (UMUM)</b>	<b>2 - 3</b>
<b>2</b>	<b>PUSAT PENGASINGAN</b>	<b>4</b>
<b>3</b>	<b>PELAJAR NON RESIDEN</b>	<b>5</b>
<b>4</b>	<b>PERGERAKAN PELAJAR DALAM DAN LUAR NEGERI SABAH</b>	<b>6</b>
<b>5</b>	<b>UJIAN SARINGAN <i>SWAB</i></b>	<b>7 - 8</b>
<b>6</b>	<b>SOALAN - SOALAN LAIN</b>	<b>9 - 10</b>

## **KEMASUKAN PELAJAR KE KAMPUS (UMUM)**

### **1. Apakah kategori pelajar berkeperluan yang dibenarkan kembali ke kampus?**

Kategori pelajar berkeperluan yang dibenarkan kembali ke kampus ialah:

- i. Pelajar program pengajian peringkat Sijil, Diploma, Ijazah Sarjana Muda dan Pasca Siswazah yang memerlukan praktikal, makmal, klinikal, latih amal, studio, bengkel dan peralatan khas;
- ii. Pelajar yang tidak mempunyai akses dan persekitaran tidak kondusif bagi melaksanakan Pengajaran dan Pembelajaran (PdP) dalam talian;
- iii. Pelajar Asasi atau Setara dan Diploma yang sedia ada di kampus boleh meneruskan pembelajaran secara hibrid;
- iv. Pelajar antarabangsa sedia ada dan baharu kecuali pelajar dari United Kingdom;
- v. Pelajar Berkeperluan Khas (OKU); dan
- vi. Pelajar yang menduduki peperiksaan *Malaysia University English Test (MUET)*, antarabangsa dan badan profesional.

### **2. Di manakah pelajar boleh menyemak kelayakan bagi 6 kategori?**

Pelajar boleh menyemak kelulusan layak masuk ke kampus melalui Sistem Maklumat Pelajar (SMP) di pautan <http://smp.ums.edu.my/semakkemasukan>

### **3. Adakah pelajar berkeperluan yang tidak disenaraikan oleh UMS boleh memohon untuk kembali ke kampus bagi menjalankan PdP secara hibrid?**

Boleh. Pelajar boleh mengemukakan permohonan kepada Fakulti/Institut. Walau bagaimanapun, keputusan permohonan adalah tertakluk kepada pertimbangan UMS.

### **4. Sekiranya pelajar tersenarai mengikuti PdP di kampus, apakah yang perlu dilakukan oleh pelajar untuk bergerak ke kampus?**

Pelajar perlu melakukan perkara berikut:

- i. Mendapatkan surat kebenaran kembali ke kampus (Rujuk soalan 5);
- ii. Membuat temu janji dengan klinik/hospital Kerajaan untuk menjalani ujian saringan *swab* (bagi pelajar dari luar Negeri Sabah);
- iii. Memohon permit pergerakan daripada Polis Diraja Malaysia (PDRM) bagi merentas daerah atau negeri;
- iv. Memaklumkan Fakulti/Institut tarikh jangkaan kembali ke kampus.

Walaupun bagaimanapun, kemasukan pelajar dari kawasan Perintah Kawalan Pergerakan Diperketatkan (PKPD) ke kampus adalah ditangguhkan sehingga diberitahu kelak.

**5. Bagaimanakah pelajar hendak mendapatkan surat kebenaran kembali ke kampus?**

Pelajar wajib mengisi borang penilaian kesihatan sendiri UMS *Shields* (*Self-risk Assessment Tools*) melalui <http://shields.ums.edu.my/> dalam tempoh tujuh (7) hari sebelum kembali ke kampus dan mencetak surat kebenaran kembali ke kampus dan surat perakuan penilaian risiko melalui UMS *Shields* tersebut.

**6. Adakah kos pergerakan pelajar kembali ke kampus akan ditanggung oleh pihak kerajaan?**

Tidak. Kos pergerakan pelajar kembali ke kampus adalah di bawah tanggungan pelajar sendiri.

**7. Bilakah pergerakan pelajar secara berfasa boleh dibuat?**

Pelajar berkeperluan dibenarkan memasuki kampus bermula pada **1 Mac 2021 hingga 5 Mac 2021** secara berfasa.

**8. Adakah pelajar boleh kembali ke kampus sebelum 1 Mac 2021?**

Tidak. Berdasarkan kenyataan yang dikeluarkan oleh KPT, pelajar hanya dibenarkan kembali ke kampus bermula pada 1 Mac 2021.

**9. Adakah pelajar boleh kembali ke kampus selepas 5 Mac 2021?**

Pelajar perlu menghubungi Fakulti/Institut masing-masing untuk pertimbangan dan memaklumkan tarikh ketibaan ke kampus.

**10. Bagaimana jika nama pelajar tersenarai dalam 6 kategori untuk kembali ke kampus, dan memilih untuk membatalkan tidak kembali ke kampus?**

Pelajar yang tersenarai 6 kategori adalah pelajar berkeperluan yang telah dipilih oleh pihak Fakulti/Institut. Bagi pelajar yang ingin membuat pembatalan kemasukan ke kampus, pelajar hendaklah merujuk kepada Fakulti/Institut masing-masing berkenaan pembatalan tersebut.

## **PUSAT PENGASINGAN**

**1. Dimanakah pusat pengasingan bagi pelajar yang akan kembali ke kampus?**

Pelajar akan ditempatkan di blok pengasingan Kolej Kediaman Kampus masing-masing.

**2. Berapa lama tempoh pelajar akan diasingkan?**

Pelajar akan diasingkan untuk tempoh sepuluh (10) hari.

**3. Adakah pelajar residen (Tahun 2, 3, 4 dan ke atas) yang tersenarai dalam 6 kategori dibenarkan mengambil barang yang disimpan pada sesi lalu di stor/bilik?**

Pelajar hanya dibenarkan mengambil barang selepas tempoh pengasingan pelajar tamat.

**4. Adakah kos penginapan di pusat pengasingan akan ditanggung?**

Ya. kos penginapan sepanjang pengasingan pelajar akan ditanggung oleh pihak UMS.

**5. Bagaimanakah kos makan/minum pelajar sepanjang tempoh pengasingan?**

Perbelanjaan makan minum pelajar adalah atas tanggungan pelajar sendiri.

**6. Adakah semasa pengasingan, pelajar boleh mengikuti PdP?**

Ya. Pelajar dibenarkan mengikuti PdP secara dalam talian semasa dalam tempoh pengasingan.

**7. Adakah ahli keluarga/kenalan boleh melawat pelajar sepanjang tempoh pengasingan?**

Tidak. Pelajar tidak dibenarkan menerima pelawat semasa tempoh pengasingan.

**PELAJAR NON-RESIDEN (NR)**

**1. Adakah pelajar yang ingin menjadi NR perlu membuat sebarang permohonan?**

Ya. Pelajar perlu membuat permohonan sebagai NR melalui Sistem Maklumat Pelajar Bersepadu (SMPB).

**2. Adakah pelajar NR sedia ada sejak Semester 1 Sesi 2020/2021 yang tersenarai dalam 6 kategori dibenarkan tinggal di rumah sewa/rumah keluarga masing-masing?**

Dibenarkan. Pelajar NR yang rumah sewa/rumah keluarga mereka terletak di dalam daerah yang sama dengan lokasi kampus UMS boleh memilih untuk menetap di rumah sewa/rumah keluarga masing-masing.

- 3. Adakah pelajar NR sedia ada sejak Semester 1 Sesi 2020/2021 dan pelajar NR yang menetap bersama keluarga di luar kampus UMS perlu menjalani ujian saringan swab?**

Ya. Pelajar perlu menjalani ujian saringan swab di *drop zone* yang ditetapkan iaitu **Pusat Sukan UMS** bermula 1 Mac 2021 hingga 5 Mac 2021.

- 4. Adakah pelajar NR sedia ada sejak Semester 1 Sesi 2020/2021 dan pelajar NR yang menetap bersama keluarga di luar kampus perlu menjalani pengasingan di pusat pengasingan dalam kampus UMS?**

Tidak perlu. Pelajar hanya perlu menjalani ujian swab di *drop zone* (Pusat Sukan UMS) dan dikehendaki menjalani pengasingan di rumah sewa atau rumah keluarga masing-masing selama 10 hari.

- 5. Adakah pelajar NR yang bakal kembali kampus perlu menjalani ujian swab?**

Pelajar NR dari Negeri Sabah perlu menjalani ujian saringan swab di *drop zone* (Pusat Sukan UMS). Pelajar NR dari luar Negeri Sabah perlu menjalani ujian saringan swab sebelum memasuki Negeri Sabah.

- 6. Adakah pelajar NR yang bakal kembali ke kampus perlu menjalani tempoh pengasingan di pusat pengasingan dalam kampus UMS?**

Ya. Pelajar NR yang baru tiba untuk kembali ke kampus dikehendaki menjalani tempoh pengasingan diri di dalam kolej kediaman UMS selama 10 hari.

- 7. Adakah kos penempatan pelajar NR semasa tempoh pengasingan 10 hari di pusat pengasingan ditanggung oleh pihak UMS?**

Ya. Kos penginapan selama tempoh pengasingan 10 hari di pusat pengasingan pelajar akan ditanggung oleh pihak UMS.

- 8. Bagaimana dengan pelajar NR yang bakal kembali ke kampus yang menjalani pengasingan di dalam kampus UMS tetapi mempunyai rumah sewa?**

Setelah tamat tempoh pengasingan di dalam kampus selama 10 hari, pelajar NR yang mempunyai kontrak sewaan rumah boleh membuat permohonan di pejabat kolej kediaman masing-masing untuk keluar dari kampus UMS dan menetap di rumah sewa.

## **PERGERAKAN PELAJAR DARI DALAM NEGERI SABAH/SEMENANJUNG MALAYSIA/SARAWAK/W.P. LABUAN**

### **1. Apakah prosedur pergerakan pelajar berkeperluan dari Semenanjung Malaysia/Sarawak/W.P. Labuan ke Sabah?**

Pelajar berkeperluan yang tiba dari luar Negeri Sabah dikehendaki melakukan ujian saringan swab RT-PCR lebih dahulu sebelum penerbangan/memasuki Negeri Sabah.

### **2. Apakah dokumen yang perlu dikemukakan bagi pelajar yang ingin memohon permit rentas daerah/negeri?**

Pelajar boleh mengemukakan surat kebenaran masuk ke kampus dan kad pelajar/surat tawaran pengajian di mana-mana balai polis terdekat untuk memohon permit rentas daerah/negeri.

### **3. Adakah pihak UMS akan menyediakan pengangkutan daripada Lapangan Terbang Kota Kinabalu/Terminal?**

Ya. Pihak UMS akan menyediakan pengangkutan daripada Lapangan Terbang Kota Kinabalu/Terminal ke kampus UMS. Pelajar adalah disarankan untuk menaiki pengangkutan yang telah disediakan oleh pihak UMS. Pelajar boleh merujuk ke kaunter HEP yang akan dibuka di Lapangan Terbang Kota Kinabalu bermula pada 1 Mac 2021 hingga 5 Mac 2021.

## **UJIAN SARINGAN *SWAB***

### **1. Apakah jenis ujian saringan swab yang perlu dijalani oleh pelajar yang kembali ke UMS (UMSKK dan FPL)?**

- i. Bagi pelajar yang tiba dari **luar Negeri Sabah**, perlu menalani ujian saringan **RT-PCR**.
- ii. Bagi pelajar dari **dalam Negeri Sabah**, perlu jalani ujian saringan **RTK-Ag** di *drop zone* UMS (Pusat Sukan UMS).

### **2. Apakah jenis ujian saringan swab yang perlu dijalani oleh pelajar dari luar W.P. Labuan yang akan kembali ke UMSKAL?**

Pelajar boleh menjalani ujian saringan RT-PCR **atau** RTK-Ag sebelum memasuki W.P. Labuan.

**3. Apakah dokumen yang perlu dikemukakan bagi pelajar yang hendak menjalani ujian saringan swab?**

Pelajar perlu mengemukakan surat kebenaran masuk kampus dan kad pelajar/surat tawaran pengajian.

**4. Adakah kos ujian saringan swab akan ditanggung?**

Ya. Kos ujian saringan swab bagi pelajar daripada Semenanjung Malaysia/Sarawak/W.P. Labuan ke Negeri Sabah akan dibiayai oleh pihak Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) jika mereka melakukan ujian swab di pusat kesihatan/klinik/hospital Kerajaan seperti yang dinyatakan oleh KPT.

**5. Sekiranya pelajar dari luar Negeri Sabah yang berkemampuan dan bersetuju untuk menggunakan perbelanjaan sendiri bagi melaksanakan ujian saringan swab di klinik/hospital swasta, adakah keputusan ujian swab itu boleh digunakan?**

Ya. Keputusan ujian swab yang dilakukan di klinik/hospital swasta boleh diterima jika ia memenuhi standard ujian yang ditetapkan oleh Kerajaan.

**6. Di manakah pelajar dari Semenanjung Malaysia/Sarawak/W.P. Labuan boleh menjalani ujian saringan swab?**

Pelajar boleh membuat ujian saringan swab di mana-mana pusat kesihatan daerah/klinik kesihatan/hospital Kerajaan. Pelajar dinasihatkan agar membuat temujanji lebih awal dengan mana-mana pusat kesihatan daerah/klinik kesihatan/hospital Kerajaan yang berhampiran dengan kediaman mereka.

**7. Di manakah pelajar dari dalam Negeri Sabah boleh menjalani ujian saringan swab?**

Pelajar yang tiba dari dalam Negeri Sabah boleh menjalani ujian saringan swab di kampus UMS (*drop zone* – Pusat Sukan UMS).

**8. Adakah ibubapa/penjaga yang akan menghantar pelajar ke UMS perlu menjalani ujian saringan swab?**

Tidak perlu. Walau bagaimanapun, untuk tujuan keselamatan dan kawalan, pergerakan ibubapa/penjaga adalah terhad di kawasan *drop zone* (Pusat Sukan UMS) sahaja.

9. **Adakah pelajar yang berasal dari Sabah yang akan menjalani Latihan Industri/Praktikal di Semenanjung Malaysia/Sarawak/W.P. Labuan boleh menjalani ujian saringan swab di Pusat Rawatan Warga (PRW) di bawah tanggungan UMS?**

Boleh. Pelajar hendaklah menghubungi Pusat Rawatan Warga (PRW) UMS lebih awal bagi urusan temujanji.

### **SOALAN-SOALAN LAIN**

1. **Berapakah caj bayaran untuk penginapan sepanjang tempoh pengajian Semester 2 Sesi 2020/2021?**

Kadar caj bayaran untuk penginapan di kolej kediaman UMS sepanjang Semester 2 Sesi 2020/2021 akan dikenakan berdasarkan jumlah hari penginapan. Kadar caj harian adalah seperti berikut:

- Prasiswazah: RM5.00/hari
- Pascasiswazah: RM8.00/hari
- Pelajar antarabangsa: RM15.00 - RM20.00/hari

2. **Sepanjang berada di dalam kolej kediaman, adakah pelajar residen dibenarkan untuk keluar masuk kampus?**

Tidak. Pergerakan dan aktiviti pelajar sepanjang berada di dalam kolej kediaman adalah tertakluk kepada arahan oleh pihak Pengurusan UMS dari semasa ke semasa.

3. **Bagaimana dengan pelajar dari luar Negeri Sabah sekiranya tidak ada jadual penerbangan sepanjang tempoh kemasukan pada bulan Mac?**

Pelajar yang terlibat boleh membuat pemakluman kemasukan lewat kembali ke kampus kepada Fakulti/Institut masing-masing.

4. **Adakah pelajar yang menjalani tempoh pengasingan diri dibenarkan keluar bagi melakukan kajian di makmal?**

Tidak. Pelajar yang menjalani tempoh pengasingan diri tidak dibenarkan keluar dari pusat pengasingan sepanjang tempoh pengasingan. Pelajar digalakkan untuk membuat perancangan jadual kajian di makmal dengan teratur.



**5. Adakah pelajar yang baru tiba di lapangan terbang/terminal bas/pelabuhan feri boleh menggunakan pengangkutan awam untuk datang ke UMS selain pengangkutan yang disediakan UMS?**

Tidak. Pelajar digalakkan menggunakan kenderaan yang disediakan oleh pihak UMS. Bagi pelajar yang menggunakan selain daripada pengangkutan UMS perlu terus masuk ke dalam kampus.

**6. Bolehkah pelajar residen membawa kenderaan sendiri sepanjang berada di kampus UMS?**

Boleh. Walau bagaimanapun, pelajar hendaklah memohon pelekat kenderaan dari Bahagian Keselamatan UMS dan penggunaan kenderaan adalah dihadkan di dalam kawasan kampus UMS sahaja.

**7. Adakah bas UMS akan beroperasi di luar kawasan kampus untuk kemudahan pelajar NR yang tinggal di kolej kediaman luar/rumah sewa/rumah keluarga sepanjang Semester 2 Sesi 2020/2021?**

Perkhidmatan bas UMS akan disediakan bagi kemudahan pelajar NR yang tinggal di kolej kediaman luar/rumah sewa/rumah keluarga untuk pergerakan masuk dan keluar kampus UMS. Perkhidmatan bas UMS akan beroperasi berdasarkan zon yang telah ditetapkan. Jadual pergerakan bas akan dihebahkan kepada pelajar kemudian.

**8. Adakah pihak UMS menetapkan waktu tertentu untuk pelajar tiba ke UMS?**

Pelajar adalah digalakkan untuk merancang perjalanan dan tiba di Kampus UMS antara jam 08:00 pagi hingga 04:00 petang.

Bagi pelajar dari **luar Negeri Sabah** yang tiba di luar daripada waktu yang ditetapkan akan dibawa ke kolej kediaman dalam kampus untuk proses pendaftaran dan pengasingan.

Bagi pelajar dari **dalam Negeri Sabah** yang tiba di luar daripada waktu yang ditetapkan akan dibawa ke kolej kediaman luar sementara untuk pendaftaran dan ujian swab pada hari berikutnya.

**9. Bagaimana dengan pelajar antarabangsa yang tersenarai dalam enam (6) kategori berkeperluan untuk kembali ke kampus?**

Pelajar antarabangsa (selain daripada 23 negara yang disekat masuk ke Sabah) yang tersenarai dalam enam (6) kategori berkeperluan boleh menghubungi Pusat Pengantarabangsaan dan Penglibatan Global (PPPG) melalui e-mail: [ums\\_global@ums.edu.my](mailto:ums_global@ums.edu.my) untuk mendapatkan maklumat lanjut berkenaan dengan prosedur kembali ke kampus UMS.

**10. Adakah pelajar yang berasal dari Negeri Sabah dibenarkan menaiki kenderaan persendirian untuk kembali ke kampus?**

Boleh. Pelajar dibenarkan menggunakan pengangkutan sendiri dan terus ke *drop zone* (Pusat Sukan UMS) untuk menjalani ujian saringan swab dan menuntut slip penempatan kolej kediaman.

**11. Sekiranya pelajar mempunyai pertanyaan lain, di manakah pelajar boleh hubungi?**

Pelajar boleh menghubungi talian *Hotline* Jabatan Hal Ehwal Pelajar (JHEP) di nombor **088-320 060** yang beroperasi 24 jam setiap hari.

Disediakan oleh,  
Jabatan Hal Ehwal Pelajar  
Universiti Malaysia Sabah  
22 Februari 2021